

07 DEC 1996

MAMPU - ISO9000

MAMPU AKAN MELATIH PASUKAN PETUGAS PELAKSANA MS ISO 9000

IPOH, 7 Dis (Bernama) -- Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) akan melatih pasukan petugas MS ISO 9000 tidak lama lagi yang akan menjadi pemangkin program itu di semua jabatan kerajaan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran negara bertaraf dunia.

Ketua Pengarah Mampu Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim berkata pada masa ini Mampu yang berkerjasama dengan Instituti Tadbiran Negara (Intan) telah melatih hampir kesemua ketua-ketua kerajaan mengenai program itu yang dijangka dilaksanakan di semua jabatan menjelang tahun 2000.

Pemilihan golongan kedua iaitu pasukan petugas akan dibuat oleh ketua-ketua kementerian dan jabatan bagi memastikan mereka akan menjadi penggerak pelaksanaan program itu di semua bahagian, katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Kualiti Peringkat Negeri Perak di Kompleks Islam di sini hari ini.

Katanya, satu seminar mengenai program itu juga akan diadakan pada 6 dan 7 Januari yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur.

Seminar itu dijangka membincangkan mengenai pelaksanaan program itu di semua jabatan, yang akan dihadiri oleh ketua setiausaha kementerian, ketua-ketua jabatan dan pentadbiran negeri, tambahnya.

Beliau berkata selain itu pihak swasta yang telah mencapai taraf MS ISO 9000 juga akan dijemput menghadiri seminar itu memandangkan kini lebih bagi 900 syarikat tempatan telah berjaya mencapai taraf tersebut.

Pengeluaran Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil 2 Tahun 1996 bertajuk " Garis Panduan Bagi Melaksanakan MS ISO 9000 Dalam Perkhidmatan Awam" pada Julai lepas dijangka telah dapat memberi kefahaman mengenai perkara-perkara penting mengenai program itu, katanya.

Muhammad Rais berpendapat perkhidmatan awam tidak akan menghadapi banyak masalah melaksananya kerana pelbagai usaha pembaharuan telah diperkenalkan sejak beberapa tahun lepas dan ini dapat menjadikannya sebagai asas yang kukuh.

" Pelaksanaan standard MS ISO 9000 ini akan bertindak sebagai pelengkap dan menyokong kepada pewujudan sistem pengurusan kualiti yang lebih berkesan dan pelaksanaan budaya kerja berkonsepkan 'betul pertamak kali dan setiap kali'", katanya.

Beliau turut menyampaikan anugerah pejabat terbaik negeri Perak di mana Jabatan Kerja Raya Grik mendapat tempat pertama di bawah kategori jabatan negeri, manakala Pejabat Kesihatan Kerian bagi kategori jabatan persekutuan dan Pejabat Daerah Kerian untuk kategori majlis tempatan.

Muhammad Rais kemudiannya menghadiri perjumpaan dengan pegawai tadbir dan diplomatik bahagian utara, iaitu pegawai daripada negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak di sini bagi membincang mengenai pelaksanaan program itu. -- BERNAMA.

HK WAT